

BSN laksana penjenamaan semula

» *Peruntuk RM130 juta untuk tempoh tiga tahun*

Oleh **Ahmad Fiesal Othman**
fsal@bh.com.my

Bank Simpanan Nasional (BSN) memperuntukkan RM130 juta bagi melaksanakan penjenamaan semula bank itu yang dilakukan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Adinan Maning, berkata penjenamaan semula itu bukti komitmen berterusan dan aspirasi BSN untuk terus menyokong seluruh lapisan rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang dan kedudukan sosial.

Setakat ini, beliau berkata, 37 daripada 401 cawangan BSN di seluruh negara sudah berwajah baharu dan dilengkapi susun atur dalaman bagi menggalakkan pertumbuhan perniagaan serta kesejahteraan pelanggan.

“Penjenamaan semula ini

mencerminkan pandangan masa depan kami dan pada masa sama menjadikan BSN unik serta tersendiri,” katanya pada sidang media pelancaran penjenamaan semula BSN di Kuala Lumpur, semalam.

Visual identiti baharu

Pelancaran disempurnakan Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah. Yang hadir sama Timbalan Ketua Eksekutif BSN (Perbankan Runcit), Datuk Yunos Abd Ghani dan Timbalan Ketua Eksekutif (Sokongan Korporat), Siew Kin Meng.

Di bawah penjenamaan semulanya, BSN memperkenalkan visual identiti baharu dengan mengubah warna korporat kepada warna teal yang melambangkan kebolehpercayaan dan kebergantungan.

Selain itu, pohon pitis yang mewakili logo bank itu juga kini mempunyai 14 pitis yang mewakili jumlah negeri di Malaysia.

Perkukuh fiskal

Adinan berkata, sempena penjenamaan semulanya, BSN memperkenalkan empat nilai murni iaitu komited, cerdas dan tangkas, menghormati serta beretika yang menjadi asas kepada janji jenama bank komuniti itu.



Ahmad Husni (tengah) bersama Adinan (kiri) dan Pengerusi BSN, Tan Sri Abu Bakar Abdullah pada **pelancaran penjenamaan semula BSN** di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

Sementara itu, Ahmad Husni dalam ucapannya berkata, kerajaan sedang melakukan perseediaan bagi menghadapi pertumbuhan selepas tahun 2020, termasuk menambahbaik rangkaian perhubungan di bandar

atau luar bandar.

Katanya, kerajaan sedang mengukuhkan kedudukan fiskal dan menaik taraf sistem penyampaian bersandarkan falsafah nilai tanggungjawab, integriti dan akauntabiliti.

“Kami sedang membuat perediaan asas untuk generasi masa depan kita. Semua usaha ini adalah untuk membina ekosistem yang perlu bagi semua rakyat Malaysia kepada kualiti hidup yang lebih baik,” katanya.